

18 MAY 1996
Mahathir-Komponen
MAJUKAN BAHAGIAN KECIL KOMPONEN, KATA PM

Oleh: Tham Choy Lin

TOKYO, 18 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu syarikat Malaysia mendapatkan teknologi bagi pembuatan bahagian komponen yang kecil-kecil bukan sahaja bagi industri automotif tetapi untuk semua jenis industri.

"Jepun mengambil masa 100 tahun. Kita mahu melakukannya dalam jangka masa yang pendek, secepat mungkin," kata beliau kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan kerja enam hari ke Jepun di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang berlepas petang ini ke Amerika Syarikat untuk lawatan kerja yang serupa, berkata lawatannya ke Jepun pada Februari lepas dan sekarang adalah bertujuan melihat sendiri bagaimana memajukan industri komponen yang memerlukan teknologi tinggi.

Apabila ditanya sama ada kandungan bahagian-bahagian kecil tempatan akan diberi penekanan bagi trak nasional selepas pengalaman Proton, Dr Mahathir berkata ia akan diberi penekanan untuk semua industri dan bukan sahaja kepada industri automotif.

Dr Mahathir, yang menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bagi projek trak antara Hicom Holdings, Diverified Resources Bhd dan Isuzu Motors Ltd, berkata walaupun vendor tempatan mengeluarkan komponen, seperti untuk Proton, mereka hanya membuat bahagian luarnya sahaja manakala bahagian yang kecil-kecil di dalamnya diimport dari Jepun.

Langkah mengeluarkan sendiri bahagian yang kecil itu di dalam negara akan mengurangkan import dan dengan itu membantu mengecilkkan defisit akuan semasa negara, katanya.

Dr Mahathir berkata kedua-dua MOU yang ditandatangani oleh Premier Choice Sdn Bhd dengan dua buah syarikat Jepun di sini akan membolehkan pemindahan teknologi untuk memajukan komponen seperti itu.

Premier Choice, yang diwujudkan daripada saranan Perdana Menteri sendiri dengan Datuk Seri Yahaya Ahmad sebagai Pengerusinya, mengadakan MOU itu dengan pembuat acuan plastik Diki Die And Mould Machinery Co Ltd dan Nichiei Seiki Co Ltd.

Ia juga mara setapak lagi dengan mendapatkan kepentingan dalam Nichiei Seiki yang merupakan penyertaan besar yang pertama oleh syarikat Malaysia dalam perbadanan Jepun.

Dr Mahathir, yang telah melawat tiga buah kilang dan menemui beberapa tokoh korporat Jepun, berkata automasi akan menjadi satu bidang penting kepada sektor pembuatan di Malaysia memandangkan kekurangan tenaga buruh.

Sebagaimana halnya dengan pengeluaran kereta Proton, beliau berkata Malaysia mengambil pendekatan "mendahulukan belakang" dengan membina produk utamanya dahulu sebelum mengkaji pengeluaran komponen dan kemudian bahagian yang kecil-kecil.

"Bagi automasi, kita akan membeli robot dahulu, kemudian belajar bagaimana untuk membuatnya dan selepas itu, robot itu akan membina robot-robot lain pula," kata Dr Mahathir yang telah melawat kilang robotik Fanuc Ltd di Yamanashi.

Ketika ditanya mengenai lawatannya ke kilang keluli Kawasaki di Chiba, beliau berkata kegagalan kilang Perwaja tidak seharusnya dijadikan alasan untuk negara berputus harapan terhadap industri kelulinya.

"Permintaan terhadap keluli telah meningkat ke tahap yang memerlukan kita mengeluarkan keluli dalam negara. Sebelum ini, syarikat-syarikat Jepun enggan menyertainya kerana mereka kata keperluan Malaysia rendah tetapi

sekarang mereka bersedia menjadi rakan usahasama," katanya.

Mengenai penyertaan asing yang diharapkan oleh Malaysia dalam Koridor Super Multimedia (MSC) yang akan diwujudkan, Dr Mahathir berkata syarikat luar bukan sahaja diminta mengadakan perkakasan tetapi juga menubuhkan pangkalannya di MSC itu.

"Dari MSC itu, mereka boleh menjalankan kemudahan pengeluarannya di seluruh dunia dengan menggunakan multimedia...mereka boleh menghantar pelan mereka, memberi arahan, di mana untuk mendapatkan sesuatu. Ertinya, kita mahu mereka melabur dalam kemudahan pengeluaran mereka sendiri di MSC itu," katanya.

Dr Mahathir telah memberi perangan mengenai MSC itu di hadapan perhimpunan 400 pemimpin korporat Jepun pada Rabu lepas setelah memberi ucapan utama pada mesyuarat agung tahunan Persatuan Teleport Sedunia pada hari Isnin.

MSC itu yang terletak di kawasan 600 km persegi menghubungkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur yang baru, Putrajaya dan Kuala Lumpur City Centre, akan mempunyai infrastruktur komunikasi terbaru.

Ketika ditanya sama ada pindaan yang akan dibuat terhadap undang-undang mengenai komunikasi bagi menyesuaikan dengan zaman maklumat baru dan MSC itu akan termasuk Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Rahsia Rasmi, beliau berkata kedua-dua akta itu tidak merupakan halangan kepada kemajuan dalam aliran bebas maklumat.

Sebaliknya akta itu merupakan sekatan bagi mencegah akhbar daripada digunakan untuk menghasut orang ramai melalui pendapat yang bercorak melampau dan untuk membakar perasaan perkauman.

"Yang kita tegah ialah penulisan bercorak keterlaluan, bukan yang melaporkan kebenaran," katanya. -- BERNAMA

TCL RM NMO